

20/04/1997

Rombakan tiada kaitan dengan siasatan BPR

MELAKA: Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani berkata cadangan merombak portfolio anggota Exco kerajaan negeri Melaka tidak ada kaitan dengan siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap tiga anggota Exco negeri ini.

Beliau berkata, cadangan merombak portfolio itu adalah proses biasa untuk memperkemaskan bilangan jawatankuasa yang disandang anggota Exco.

"Tiada sesiapa didapati bersalah apabila BPR menjalankan siasatan kerana siasatan oleh badan itu memang biasa dilakukan apabila mereka menerima aduan atau tuduhan," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa anggota Exco yang disiasat BPR tidak perlu meletak jawatan.

Mohd Zin berkata, kerajaan negeri juga tidak perlu menurut desakan pihak tertentu, khususnya parti pembangkang yang meminta tiga Exco negeri yang disiasat meletakkan jawatan.

Beliau berkata, isu siasatan BPR terbabit berbeza dengan situasi tindakan peletakan jawatan bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

"Kes Exco terbabit masih dalam siasatan BPR dan belum terbukti lagi sama ada mereka terbabit dengan isu penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa," katanya selepas merasmikan persidangan Lion kali ke-35 peringkat antarabangsa di Dewan Sekolah Menengah Pay Fong, Jalan Kubu, di sini, petang semalam.

(END)